

- **Mexico lulus vaksin AstraZeneca, Universiti Oxford**
- **Malaysia dijangka tandatangi COVAX dua minggu lagi**

Kerjasama strategik antarabangsa sama ada multilateral atau bilateral itu adalah langkah Malaysia dalam mendukung aspirasi nasional dan usaha solidariti global ke arah memerangi COVID-19.

Kerjasama itu membantu mempelbagaikan pilihan perolehan vaksin untuk negara dan mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber saja.

Rundingan bersama pengeluar vaksin COVID-19 bukan saja dari sudut teknikal seperti ketahanan, kaedah, kestabilan, kontraindikasi, penduduk, sasaran, keselamatan, keberkesanan, dos, pendaftaran dan akses, malah juga dari sudut komersial membabitkan harga, pemulangan pembayaran, jadual penghantaran, bayaran pendahuluan dan logistik.

Selain itu, rundingan juga membabitkan aspek kerjasama dan nilai tambah kepada pembangunan vaksin negara, termasuk proses pengilangan vaksin secara 'fill and finish' (isian dan penamat produk), penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemindahan teknologi dan pembuatan vaksin.

Sementara itu, pembabitan Malaysia dalam pelan peruntukan vaksin COVID-19 atau COVID-19 Vaccine Global Access (COVAX) adalah satu daripada rancangan global yang dilancarkan Pakatan Vaksin Global (GAVI), Gabungan Inovasi Persediaan Epidemik (CEPI) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertujuan memberikan akses di peringkat global kepada diagnostik, rawatan dan vaksin dengan saksama.

Kerajaan pada 13 November tahun lalu bersetuju memuktamadkan penyertaan Malaysia dalam Fasiliti COVAX iaitu pendekatan multilateral yang

bakal membuka ruang negara mempelbagaikan pilihan serta mengurangkan risiko daripada memberikan tumpuan kepada kaedah bilateral saja dalam perolehan vaksin COVID-19.

Penyertaan ke dalam fasiliti itu memberi jaminan bekalan vaksin untuk 10 peratus penduduk negara ini, selain komitmen kerajaan bagi bekerjasama di peringkat antarabangsa menjamin akses vaksin COVID-19 kepada semua.

Melalui perjanjian bilateral, kerajaan dan China menandatangani perjanjian kerjasama pembangunan dan akses kepada vaksin pada 18 November lalu.

Perjanjian itu akan memberikan Malaysia keutamaan dalam mendapatkan akses kepada vaksin COVID-19 dihasilkan China, selain medan bagi

perkongsian ilmu, kepakaran dan memudahkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi selaras hasrat memajukan industri vaksin kedua-dua negara.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Nov 19, 2020 @ 10:49am
Vaksin: Malaysia perlu bayar pendahuluan RM94.08 juta



NASIONAL Nov 4, 2020 @ 11:28am
Harga siling AS\$21 satu vaksin COVID-19



NASIONAL Sep 19, 2020 @ 7:38pm
COVID-19: Malaysia akan sertai COVAX



NASIONAL Sep 29, 2020 @ 12:04pm
Malaysia muktamadkan pemilihan vaksin COVID-19 awal 2021



IKUTI KAMI DI:



BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK